



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PROJEK MENAIKTARAF JALAN NEGERI (P10) DARIPADA BATU MAUNG KE JALAN SULTAN AZLAN SHAH, PULAU PINANG (FLYOVER)

**Pulau Pinang** - Projek Menaiktaraf Jalan Negeri (P10) daripada Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah Pulau Pinang (Flyover) adalah hasrat kerajaan Malaysia untuk menaiktaraf Jalan Negeri (P10) yang sedia ada dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang. Perlaksanaan projek ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi Negeri Pulau Pinang bertujuan menampung jumlah kenderaan yang bertambah dari arah Jambatan Sultan Abdul Halim menuju ke arah Jalan Sultan Azlan Shah/Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan jalan sedia ada perlu dinaiktaraf seiring dengan peningkatan trafik.

Pembinaan projek ini adalah kesinambungan kepada pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim yang telah beroperasi. Perlaksanaan projek P10 - flyover ini telah dimulakan pada 1hb Januari 2015 dan juga telah siap mengikut jadual pada 29 Jun 2018. Panjang jalan ini adalah 1.25km bermula dari Sekolah Kebangsaan Batu Maung (CH 0.00) sehingga persimpangan Solok Bayan Lepas (CH 1250.00) termasuk jejambat (flyover) panjangnya 650m . Skop projek ini yang melibatkan kos RM 123 juta adalah merangkumi skop kerja seperti:-

- i. Membina jejambat (flyover) berkembar empat lorong dua hala termasuk menaiktaraf jalan menuju ke jejambat (flyover);
- ii. Menaiktaraf persimpangan Batu Maung kepada bulatan Batu Maung;
- iii. Membina sebuah jejantas di Sekolah Kebangsaan Batu Maung; dan
- iv. Menaiktaraf jalan dari dua lorong sehalu kepada empat lorong dua hala serta lengkap dengan perabot jalan.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Antara impak positif hasil pembinaan menaiktaraf jalan ini ialah memberi manfaat kepada premis-premis yang terdapat dalam kawasan perindustrian di Permatang Damar Laut dan Batu Maung serta dapat melancarkan perjalanan dan memberi keselesaan kepada pengguna jalan dari Jambatan Sultan Abdul Halim ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan sebaliknya. Laluan ini dijangka berupaya menampung laluan trafik 80 ribu kenderaan sehari.

Disamping itu, kesan pembinaan ini membolehkan kawasan persekitaran jalan ini iaitu Batu Maung dan Permatang Damar Laut dibangunkan untuk tujuan komersil dan juga perumahan yang secara tidak langsung menambah peluang-peluang pekerjaan serta dapat meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat. Dengan menaiktaraf jalan ini dapat menyokong dan meningkatkan pembangunan kawasan sepanjang jalan berkenaan secara tidak langsung menjadi alternatif terhadap sistem penyuraian trafik di daerah Barat Daya.

Dengan pembukaan laluan jejambat (flyover) tersebut, kenderaan dari Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas (FIZ) dan Permatang Damar Laut tidak perlu lagi melalui persimpangan Batu Maung (sekarang dikenali sebagai Bulatan Batu Maung) dan persimpangan Southbay. Sebaliknya, mereka boleh laluan terus menggunakan jalan jejambat (flyover) dari Jambatan Sultan Abdul Halim dan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas (FIZ). Sekaligus ia mengurangkan kesesakan lalulintas di jalan Batu Maung. Projek seumpama ini membuktikan kerancakan pembangunan di Negeri Pulau Pinang dan hasil kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**6 JULAI 2018**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my